

A **SYED OMAR SYED OTHMAN;
EX P LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA**

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
AKHTAR TAHIR H
[KEBANKRAPAN NO: 29-01-2010]
8 APRIL 2013

C **KEBANKRAPAN:** *Bukti dan keutamaan hutang - Bukti hutang - Undang-undang yang terpakai - Pemfailan bukti hutang berdasarkan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 - Sama ada Akta KWSP terpakai kepada seorang bankrap - Sama ada undang-undang terpakai adalah Akta Kebankrapan 1967 - Akta Kebankrapan 1967, ss. 8(1), 24(4) & 42*

D Pemiutang penghakiman telah memfailkan bukti hutang berdasarkan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ('Akta KWSP') yang sebahagian besarnya telah ditolak oleh Jabatan Insolvensi Malaysia berdasarkan kepada Akta Kebankrapan 1967 ('Akta Kebankrapan') dan Akta Had Masa 1953. Isu utama yang perlu
E diputuskan oleh mahkamah adalah undang-undang yang terpakai ke atas seseorang selepas diisytiharkan bankrap.

Diputuskan (menolak rayuan pemiutang penghakiman):

F (1) Selepas seseorang diisytiharkan bankrap, undang-undang yang terpakai adalah Akta Kebankrapan. Dalam kes ini, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dilantik sebagai 'receiver' setelah penghutang penghakiman diisytiharkan bankrap selaras dengan s. 8(1) dan 24(4) Akta Kebankrapan. Peruntukan penting
G untuk menjawab isu yang timbul dalam kes ini adalah s. 42 Akta Kebankrapan. Manakala Akta KWSP hanya merujuk kepada keadaan biasa dan tidak menyentuh mengenai seseorang yang diisytihar bankrap. Oleh itu, perakuan bukti hutang yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia
H adalah lebih tepat. (perenggan 6, 7, 8, 9 & 11)

Perundangan yang dirujuk:

Bankruptcy Act 1967, ss. 8(1), 24(4), 42
Bankruptcy Rules 1969, r. 186
Employees Provident Fund 1991, ss. 46, 65(1)

I

*Bagi pihak perayu/pemiutang penghakiman - Fadzlin Mohd Yunus;
T/n Azrul, Afifi & Azuan* A
*Bagi pihak responden - Che Wan Zunairiah Wan Adnan; Jabatan Insolvensi
Malaysia*

Dilaporkan oleh S Barathi

B

PENGHAKIMAN

Akhtar Tahir H:

C

[1] Pemiutang penghakiman dalam kes ini telah merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang telah menolak permohonan yang dibuat dibawah k. 186 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 untuk memperakukan bukti hutang yang difailkan pemiutang penghakiman.

D

[2] Pemiutang penghakiman dalam kes ini telah memfailkan borang bukti hutang pada 20 Februari 2012 untuk jumlah RM263,036. Butiran-butirannya adalah seperti berikut:

(a) Tunggakan caruman Januari 2003-Mei 2005: RM134,306.

E

(b) Dividen tertunggak setakat 4 Mei 2011: RM62,378.

(c) Faedah tertunggak setakat 4 Mei 2011: RM64,530.

(d) Kos: RM1,822.

F

[3] Jabatan Insolvensi Malaysia melalui notis memperakui bukti hutang telah menolak sebahagian besar tuntutan faedah pemiutang penghakiman dan keseluruhan dividen dan hanya memperakui baki hutang sebanyak RM184,522.31.

G

Isu Utama

[4] Pemiutang penghakiman telah memfailkan bukti hutang berdasarkan Akta KWSP 1991 manakala Jabatan Insolvensi Malaysia telah memperakukan baki hutang berdasarkan Akta Kebankrapan 1967 dan Akta Had Masa 1953.

H

I

- A [5] Isu utama adalah selepas seorang diisytihar bankrap undang-undang mana yang terpakai ke atasnya. Pemiutang penghakiman berhujah Akta KWSP masih terpakai kerana terdapat perkataan “notwithstanding the provision of any other written law” di bawah s. 65(1) dan s. 46 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.
- B Jabatan Insolvensi Malaysia pula berhujah setelah seseorang diisytihar bankrap, Akta Kebankrapan 1967 terpakai.
- [6] Setelah membaca peruntukan kedua-dua Undang-Undang saya bersetuju dengan hujahan Jabatan Insolvensi Malaysia bahawa
- C setelah seorang diisytihar bankrap undang-undang yang terpakai adalah Akta Kebankrapan 1967.
- [7] Di dalam kes ini Jabatan Insolvensi Malaysia telah dilantik sebagai ‘receiver’ setelah penghutang penghakiman diisytiharkan bankrap pada 4 Mei 2011 selaras dengan s. 8(1) Akta
- D Kebankrapan 1967 yang memperuntukkan sedemikian:
- On making of a receiving order the Director General of Insolvency shall be thereby constituted receiver of the property of the debtor ...
- E [8] Dalam s. 24(4) Akta Kebankrapan 1967 diperuntukkan:
- When a debtor is adjudged bankrupt his property shall become divisible among his creditors and shall vest in the Director General of Insolvency.
- F [9] Peruntukkan yang terpenting untuk menjawab isu yang timbul dalam kes ini adalah s. 42 Akta Kebankrapan 1967 yang menjelaskan demikian:
- The rules in Schedule C shall be observed with respect to mode of proving debts, the right of proof by secured and other creditors, the admission and rejection of proofs and other matters.
- G
- [10] Adalah pendapat saya selanjutnya bahawa kes-kes yang dirujuk oleh pemiutang penghakiman untuk menunjukkan bahawa
- H Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja terpakai adalah kes-kes yang merujuk kepada keadaan biasa dan tidak sentuh mengenai seseorang yang telah diisytihar bankrap. Saya bersetuju dalam keadaan biasa Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja terpakai atas perkara berkaitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan
- I bukan undang-undang lain.

[11] Memandangkan undang-undang lain terpakai selain dari Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja terpakai dalam kes ini saya juga bersetuju bahawa perakuan baki hutang yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia adalah lebih tepat. A

[12] Oleh demikian, saya telah menolak rayuan pemiutang penghakiman dengan kos RM3,000. B

C

D

E

F

G

H

I